

**Model CBP Malaysia Progresif, Kata Pengarah CBP
Bernama
Mei 29, 2014
Oleh Erda Khursyah Basir dan S. Kisho Kumari**

PUTRAJAYA, (Bernama) -- Terdapat pelbagai tanggapan berhubung Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) yang bakal dilaksanakan pada 1 April 2015.

Antaranya termasuklah kekeliruan dan ketidakfahaman segelintir pihak sama ada CBP akan bersifat progresif atau regresif, serta impaknya terhadap rakyat.

Pengarah CBP, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Subromaniam Tholasy berkata apa yang berlaku hari ini ialah masyarakat tidak memahami makna progresif dan regresif itu sendiri.

Katanya regresif merujuk kepada cukai yang lebih membebankan golongan berpendapatan sederhana dan rendah berbanding mereka yang berpendapatan tinggi, manakala progresif adalah sebaliknya, iaitu golongan berpendapatan tinggi membayar cukai lebih.

"CBP merupakan cukai kepenggunaan yang berdasarkan kepada perbelanjaan dan bukan pendapatan seperti yang disalahertikan oleh sesetengah pihak. Ini bermaksud jika seseorang individu itu berbelanja lebih (terhadap barangan yang dikenakan CBP), maka lebihlah cukai yang perlu dibayar.

"Salah faham berlaku kerana ada yang menganggap CBP berdasarkan pendapatan. Jika CBP dinyatakan dalam cara tersebut (berdasarkan pendapatan), setiap Cukai Nilai Tambah (VAT) atau CBP sememangnya akan bersifat regresif dan membebankan golongan berpendapatan sederhana dan rendah," katanya kepada Bernama.

Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Kewangan telah melakukan penyelidikan yang meluas mengenai CBP, yang telah dilaksanakan di 160 negara, dan kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa model CBP Malaysia sememangnya progresif.

Subromaniam berkata Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) turut mengakui perkara berkenaan.

Beliau turut menjelaskan bahawa sekiranya semua barangan dan perkhidmatan adalah tertakluk kepada CBP tanpa ada sebarang pengecualian, maka ia boleh dianggap regresif.

"Namun apa yang berlaku apabila CBP dilaksanakan nanti ada banyak pengecualian termasuk barang sifar CBP yang akan memberi kelebihan kepada golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

"Merujuk kepada corak perbelanjaan golongan berpendapatan sederhana dan rendah, mereka jarang atau mungkin tidak berbelanja terhadap perkara yang bukan asas, tidak

sifar CBP atau yang tidak diberi pengecualian CBP," katanya.

Mengulas faktor lain yang turut menyumbang terhadap rasa kurang senang rakyat terhadap CBP ialah wujud tanggapan bahawa CBP akan dilaksanakan bersama-sama Cukai Jualan dan Perkhidmatan (CJP) yang ada sekarang.

"CBP hadir bagi menggantikan CJP. Rakyat salah faham kononnya kerajaan akan melaksanakan CBP tanpa manghapuskan CJP, jika ia benar berlaku maka sememangnya akan membebankan rakyat dan akan bersifat regresif," katanya.

Menyentuh mengenai cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang dilaksanakan sekarang, Subromaniam mengakui bahawa kedua-dua cukai itu bersifat progresif namun keputusan kerajaan untuk melaksanakan CBP bertujuan menstruktur semula sistem percukaian negara agar lebih efektif, efisien dan telus bagi mempertingkatkan daya saing negara di peringkat antarabangsa.

Katanya antara kelemahan CJP sekarang ialah berlakunya cukai bertindih dan cukai bertingkat (cukai atas cukai), pemindahan harga dan nilai serta tiada pelepasan cukai ke atas eksport.

"CBP akan lebih efektif kerana ia akan membantu mengurangkan kerenah birokrasi serta meningkatkan tahap pematuhan cukai dalam masyarakat.

"Selain itu harga barangan akan menjadi lebih telus kerana setiap transaksi perniagaan akan direkod melalui resit invois yang kemudiannya akan diaudit oleh Kastam," katanya.

Subromaniam berkata berdasarkan data yang dikumpul, beban cukai bagi perbelanjaan untuk pendapatan isi rumah sebanyak RM2,000 hanyalah 2.59 peratus manakala bagi pendapatan isi rumah RM12,000 adalah 4.14 peratus.

Beliau berkata CBP sebanyak enam peratus ke atas perbelanjaan untuk pendapatan isi rumah RM2,000 sebulan adalah RM39.16 manakala bagi pendapatan isi rumah RM12,000 adalah RM345.06 sebulan, kira-kira sembilan kali lebih besar.

"Pendapatan isi rumah RM2,000 membelanjakan kira-kira 32 peratus daripada jumlah tersebut untuk perbelanjaan ke atas barang berkadar sifar CBP dan 32.63 peratus ke atas barangan tertakluk kepada CBP.

"Pendapatan isi rumah RM12,000 pula membelanjakan hanya kira-kira 12.15 peratus daripada keseluruhan pendapatan mereka untuk barang berkadar sifar CBP dan 63.90 peratus ke atas barangan tertakluk kepada CBP," katanya.

Antara yang dikecualikan CBP adalah barangan keperluan asas seperti beras, gula, garam, tepung, minyak masak, kacang dhal, rempah ratus, ikan masin, cencalok, budu dan belacan.

Perkhidmatan kerajaan seperti pengeluaran passport, lesen, perkhidmatan kesihatan,

pembelajaran di sekolah; perkhidmatan pengangkutan seperti perkhidmatan bas, keretapi, tol lebuhraya serta perkhidmatan pendidikan dan kesihatan turut tidak dikenakan cukai. Mengenai tindakan segelintir pihak yang lebih suka mengambil pendekatan menolak CBP tanpa memahami kaedah dan cara pelaksanaannya, Subromaniam berkata tindakan tersebut secara tidak langsung menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat.

"Mereka seharusnya membaca dan memahami CBP sebelum menentang dan mereka-reka cerita sehingga boleh mempengaruhi minda rakyat seolah-olah CBP ini hanya menguntungkan golongan kaya dan membebankan golongan miskin.

"Benar, kita tidak nafikan kesannya terhadap golongan berpendapatan sederhana dan rendah tapi impaknya sangatlah sedikit berbanding terhadap golongan berpendapatan tinggi.

"Dengan impak CBP yang sedikit, kerajaan dalam masa sama akan meneruskan pemberian bantuan kepada golongan berpendapatan sederhana dan rendah yang antaranya Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) serta pemberian wang tunai sebanyak RM300 kepada penerima BR1M apabila CBP dilaksanakan," katanya.

CBP telah dilaksanakan di 160 buah negara dan kadar CBP enam peratus di Malaysia adalah antara yang terendah di dunia berbanding Singapura (tujuh peratus) dan 10 peratus di Indonesia, Filipina, Thailand, Kemboja, Laos dan Vietnam.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1042344>